

**Saham Firma Telco Malaysia Naik Ekoran Keuntungan Tinggi**  
**Bernama**  
**26 Mac, 2014**  
**Oleh Neville D'Cruz**

MELBOURNE, 26 Mac (Bernama) -- Saham syarikat telekomunikasi, TPG, milik jutawan Malaysia, David Teoh, meningkat berikutan lonjakan besar keuntungan dan unjuran pendapatan yang tinggi.

Syarikat itu melaporkan peningkatan 15 peratus keuntungan bersih selepas cukai kepada A\$90.1 juta bagi tempoh enam bulan berakhir Januari.

Firma telekomunikasi itu mengumumkan dividen interim 4.5 sen sesaham yang akan dibayar pada Mei.

TPG kini menjangkakan pendapatan setahun penuh meningkat sehingga A\$330 juta, naik daripada unjuran awal sebanyak A\$300 juta, termasuk sumbangan daripada AAPT, yang dibeli TPG pada Februari.

Pendapatan dijangkakan mencecah A\$355 juta.

Pertumbuhan pelanggan jalur lebar kukuh berbanding tempoh yang sama tahun lepas, dengan TPG menambah 36,000 lagi pelanggan.

Syarikat itu mempunyai 707,000 pelanggan jalur lebar dan 370,000 pelanggan mudah alih sehingga akhir Januari.

Saham TPG meningkat ke paras tertinggi harian pada A\$6.35 susulan berita itu, dan hampir sembilan peratus lebih tinggi pada A\$6.26.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024893>